

TERMA RUJUKAN

PROGRAM SENI UNTUK SEMUA ATAS TALIAN CENDANA (UNTUK ARTIS, PENDIDIK SENI, GURU SENI DAN PEMBANTU GURU SENI SAHAJA)

GARIS MASA TEMPOH PERMOHONAN

Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir Permohonan	Notifikasi kepada Pemohon	Program Bermula		
			Bengkel	Rakaman di Rumah	Siaran Atas Talian
11 Ogos 2021	1 September 2021	6 Oktober 2021	Oktober 2021	Oktober – November 2021	November – Disember 2021

1. Apakah Program Seni Untuk Semua Atas Talian?

Seni Untuk Semua Atas Talian adalah program yang bertujuan untuk mempromosikan pendidikan seni dalam kalangan masyarakat untuk menerapkan penghayatan terhadap seni dan budaya Malaysia serta semangat cinta terhadap seni. Program ini bertujuan untuk melengkapi masyarakat dengan pemahaman konsep dan teknik bentuk seni, meningkatkan kemahiran berfikir kreatif, dan keupayaan untuk mencipta seni dengan cara yang menyeronokkan dan kreatif, diajar oleh penggiat-penggiat seni tanah air. Ianya diharapkan dapat membina keyakinan dalam kalangan generasi muda di Malaysia untuk menzahirkan secara berkesan dalam mengekspresikan diri mereka melalui muzik, tarian, seni visual dan kraf.

Seni Untuk Semua Atas Talian telah dimulakan berikutan penangguhan Program Artis di Sekolah akibat penularan pandemik COVID-19. Segmen yang dirakam akan memperlihatkan penggiat seni Malaysia yang berpengalaman, pendidik seni, guru seni atau pembantu guru seni mengajar kelas seni secara *atas talian*, dihoskan di platform digital BASKL CENDANA. Program ini ditujukan kepada orang umum untuk semua peringkat umur dan seisi keluarga untuk dinikmati bersama dengan meluangkan masa yang berkualiti menghasilkan karya seni yang diajarkan dengan arahan langkah demi langkah yang mudah yang diajar oleh artis/ guru seni.

Kelas seni tersebut haruslah berasaskan kepada sektor utama CENDANA. Sektor-sektor yang terlibat adalah seperti berikut:

Persembahan Seni	Seni Visual	Muzik Independen	Kraf
Seni tradisional dan kontemporari yang merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> Teater Tarian Muzik (misalnya koir, perkusi, ensemble, dll.) 	<ul style="list-style-type: none"> Seramik Lukisan Catan Arca Pembuatan Cetakan Reka Bentuk Fotografi Seni Pemasangan Seni Multimedia 	Muzik yang dihasilkan secara independen - bukan oleh label rakaman komersial utama atau anak syarikatnya	<ul style="list-style-type: none"> Pertukangan Tekstil Tradisional Kerja Manik Tenunan Seramik Kerja Kayu Kerja Logam Seni Tradisional Alat dan Alat Peraga Kasut Buatan Tangan

Catatan: Senarai ini adalah tidak terhad

TERMA RUJUKAN

2. Siapakah golongan sasaran bagi Program Seni Untuk Semua Atas Talian?

Kursus seni di bawah Seni Untuk Semua Atas Talian ditujukan kepada masyarakat umum untuk semua peringkat umur di Malaysia.

3. Apakah Matlamat Program Seni Untuk Semua Atas Talian?

- Memupuk semangat kecintaan terhadap seni dan lanskap seni yang rancak walaupun dilanda wabak dan sekatan pergerakan;
- Menambah dan memperkukuhkan asas pengetahuan dan pemahaman tentang pelbagai bentuk seni;
- Memberi pendedahan mengenai amalan budaya dan seni yang sedia ada, dan juga landskap seni terkini;
- Membangun dan memperkukuhkan perkembangan potensi rakyat Malaysia melalui seni dan menyumbang kepada kelestarian sektor ini.

4. Apakah yang Artis perlu ambil perhatian semasa membuat permohonan untuk Program Seni Untuk Semua Atas Talian?

A. Penyerahan Dokumen untuk Permohonan

- Permohonan adalah melalui borang permohonan CENDANA secara *atas talian*;
- Demo pengajaran selama satu minit (1) **mesti dihantar** untuk tujuan penilaian. Demo pengajaran boleh menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Ini boleh dikongsi melalui pautan (melalui laman hos seperti YouTube, Vimeo dan sebagainya) dan / atau dimuat naik kepada *Google Folder* yang dikongsi untuk dihantar bersama borang permohonan; serta
- **Penyerahan pelan pelajaran yang dicadangkan** dimana seniman / pendidik seni / guru seni dan pembantu perlu merancang segmen seni berdurasi lima belas (15) minit yang sesuai untuk diterbitkan atas talian.

B. Penghasilan dan Rakaman Video Kelas Seni

- Semua rekabentuk, kurasi, dan rakaman segmen kelas seni akan dilakukan oleh para seniman / pendidik seni / guru seni dan pembantu guru seni;
- Pemohon yang berjaya **mesti** menghadiri bengkel atas talian yang wajib mengenai cara-cara membuat rakaman video dan penghasilan segmen kelas seni atas talian yang dianjurkan oleh CENDANA;
- Latar belakang digital dan garis panduan penjenamaan lain akan diberikan oleh CENDANA;
- Bahasa pengantara untuk kelas seni boleh dijalankan sama ada dalam Bahasa Inggeris (BI) atau Bahasa Malaysia (BM);
- Aktiviti yang dicadangkan untuk kelas seni mestilah berturutan iaitu, arahan langkah demi langkah yang mudah diikuti oleh sesiapa sahaja terutama masyarakat umum;
- Bahan untuk kelas seni mestilah selamat, berpatutan dan mudah didapati di rumah; dan
- Semua kelas seni akan diterbitkan di platform digital CENDANA www.baskl.com.my.

TERMA RUJUKAN

5. Apakah sokongan yang diberi melalui Program Seni Untuk Semua Atas Talian?

Program Seni Untuk Semua Atas Talian memberi sokongan berikut:

- Bayaran berjumlah RM3,000 untuk individu dan RM4,500 untuk kumpulan seni / organisasi seni bagi kelas seni yang dirancang. Bayaran tersebut bertujuan untuk menampung semua kos yang berkaitan dengan produksi / rakaman kelas seni;
- Penyediaan latar belakang digital dan penjenamaan untuk rakaman kelas seni;
- Mengumpulkan maklum balas daripada orang ramai dan artis mengenai impak program; dan
- Publisiti dan pemasaran berkenaan kelas seni untuk seniman / pendidik seni / guru seni dan program melalui aset digital CENDANA.

6. Siapakah yang boleh memohon Program Seni untuk Semua atas Talian?

Artis / pendidik seni / guru seni dan pembantu guru seni yang:

- Berwarganegara Malaysia;
- Mempunyai perwatakan yang menarik dan menyenangkan serta mampu berkomunikasi dengan berkesan dalam Bahasa Malaysia (BM) dan / atau Bahasa Inggeris;
- Aktif dan kritis dalam pengembangan seni persembahan, seni visual, muzik independen dan seni kraf. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada artis, koreografer, komposer, penari, pengarah, pengeluar, pemuzik, penulis dan tukang kraf;
- Permohonan boleh dibuat oleh individu atau kumpulan secara kolektif. Walaubagaimanapun, pemohon bagi kategori individu **HARUS** menjadi pengajar untuk kelas seni. Organisasi dan / kolektif **HARUS** mengenal pasti dalam borang permohonan siapakah individu yang akan menjadi pengajar utama sekiranya berbeza dengan individu yang memohon;
- Memiliki pengetahuan luas mengenai bentuk seni khususnya dalam sektor utama CENDANA; Seni Persembahan, Seni Visual, Muzik Independen dan Seni Kraf. Ini dapat digambarkan melalui rekod prestasi yang baik merangkumi minimum dua (2) tahun atau pengalaman mengadakan kelas seni atas talian atau telah menjalani kursus latihan dengan mana-mana institusi yang diiktiraf dalam mengajar pelajar muda dalam mana-mana sektor seni yang dinyatakan di atas; dan
- Mereka yang berpengalaman menjalankan rancangan di televisyen atau atas talian mempunyai kelebihan tambahan.

7. Siapakah yang tidak layak memohon untuk Program Seni Untuk Semua Atas Talian?

Individu, kolektif atau organisasi yang:

- Tidak mahir dalam Bahasa Malaysia (BM) dan/ atau Bahasa Inggeris (BI);
- Tidak dapat meluangkan masa untuk menjalankan produksi segmen kelas seni berdurasi lima belas (15) minit atau menghadiri taklimat, bengkel atas talian, dan mesyuarat yang berkaitan dengan program tersebut;
- Tidak mempunyai cadangan yang jelas untuk kursus seni berdurasi lima belas (15) minit;
- Kelas seni yang dicadangkan tidak sesuai untuk tatapan umum;

TERMA RUJUKAN

- Mencadangkan kelas seni yang tidak termasuk dalam jenis kategori seni / sektor mandat CENDANA;
- Mencadangkan kelas seni yang bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya Malaysia; dan
- Mencadangkan kelas seni yang mempunyai unsur-unsur tujuan pengumpulan dana.

8. Bilakah permohonan Program Seni untuk Semua atas Talian akan dibuka?

Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir Permohonan	Notifikasi kepada Pemohon	Program Bermula		
			Bengkel	Rakaman di Rumah	Siaran Atas Talian
11 Ogos 2021	1 September 2021	6 Oktober 2021	Oktober 2021	Oktober – November 2021	November – Disember 2021

9. Bagaimanakah cara memohon untuk Program Seni untuk Semua atas Talian?

Permohonan mesti dilakukan melalui laman web CENDANA di www.cendana.com.my selewat-lewatnya pada **1 September 2021**. Sebarang permohonan yang dihantar selepas tarikh ini tidak akan dipertimbangkan.

Semua penghantaran mesti disertakan bersama:

- pengesahan bahawa semua penyerahan adalah **benar dan tepat**;
- **Bersetuju dengan terma dan syarat yang dinyatakan** oleh Program Pendidikan Seni untuk Semua atas talian termasuk Pengakuan dan Penafian dan Tugasan untuk Mengekalkan Kerahsiaan dan Indemniti.

CENDANA berhak untuk membatalkan permohonan dan / atau mengubah terma dan syarat pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu. Harap maklum bahawa semua keputusan adalah muktamad.

10. Apakah yang berlaku selepas permohonan dihantar?

- Apabila tarikh permohonan ditutup, semua permohonan akan disemak dengan kriteria kelayakan yang dinyatakan dan semua dokumen sokongan yang relevan telah diserahkan;
- Permohonan yang memenuhi semua kriteria akan dinilai oleh Panel Penasihat Industri CENDANA/ Jawatankuasa Penilaian CENDANA yang terdiri daripada penasihat industri, pakar dan pengamal seni mengikut sistem pemarkahan berwajaran terhadap kriteria penilaian yang telah ditetapkan;
- Permohonan yang dinilai dengan markah yang tinggi kemudiannya akan melalui proses kelulusan oleh pihak Pengurusan;
- Makluman kepada mereka yang berjaya akan dihantar melalui pengesahan e-mel selewat-lewatnya pada **6 Oktober 2021**;

TERMA RUJUKAN

- Semua permohonan yang dikemukakan kepada CENDANA akan dipertimbangkan tanpa sebarang diskriminasi dan adalah sulit.

11. Bagaimanakah permohonan akan dinilai?

Penilaian permohonan oleh artis / pendidik seni / guru seni dan pembantu guru seni untuk menyertai program ini adalah berpandukan kriteria berikut:

- Kesesuaian artis berdasarkan kriteria yang dinyatakan di no. 6 di atas;
- Merit seni dan cadangan kelas seni yang dikemukakan untuk program ini yang sesuai untuk tatapan umum;
- Penggunaan bahan kreatif yang mudah didapati di rumah untuk kelas seni yang dicadangkan;
- Aktiviti kreatif dan menyeronokkan yang dapat diikuti dengan mudah; dan
- Pengalaman dalam melaksanakan kelas seni (tidak wajib tetapi adalah nilai tambah).

12. Apakah yang akan mempengaruhi permohonan?

Permohonan yang tidak mempunyai dokumentasi yang mencukupi semasa penyerahan akan mengakibatkan permohonan yang tidak lengkap dan **TIDAK** akan diajukan untuk penilaian. Senarai dokumen yang diperlukan ialah:

Dokumen Peribadi

- Salinan Kad Pengenalan (IC) MyKad - salinan gambar belakang dan depan yang jelas pada halaman A4 yang sama;

Dokumen Sokongan

- CV / profil Artis;
- Demo pengajaran selama satu (1) minit dalam format video (penyerahan wajib);
- Rancangan pelan pelajaran yang dicadangkan untuk kelas seni berdurasi lima belas (15) minit bersama keterangan menggunakan templat yang disediakan di halaman borang permohonan di www.cendana.com.my (penyerahan wajib); dan
- Sebarang bahan sokongan lain yang relevan dalam format digital (jika berkenaan) misalnya gambar visual, video, pautan web, dll.

13. Bagaimanakah anda akan menerima pembiayaan?

- Bayaran mobilisasi sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada jumlah yang diluluskan akan diberikan terlebih dahulu setelah Surat Perjanjian ditandatangani oleh Pemohon yang berjaya;
- Pembayaran sebanyak lima puluh (50%) yang berikutnya akan dilakukan pada tahap kedua (ke-2) setelah penyerahan hasil berikut;
 - Rakaman kelas seni yang selesai dan diserahkan kepada CENDANA;
 - Rakaman kelas seni diluluskan oleh CENDANA untuk disiarkan atas talian;
 - Mengemukakan laporan pasca program menggunakan templat laporan yang diberikan;
 - Melengkapkan Borang Tinjauan Ekonomi CENDANA;

TERMA RUJUKAN

- Melengkapkan Lampiran Profil Artis CENDANA (templat akan diberikan); dan
- Respon yang memuaskan terhadap sebarang pertanyaan atau permintaan untuk maklumat lebih lanjut dalam format yang diminta oleh CENDANA.

14. Apakah yang berlaku selepas penilaian permohonan?

Permohonan yang Berjaya

Pemohon yang berjaya akan menerima notifikasi secara e-mel rasmi dengan Surat Tawaran daripada CENDANA yang menyatakan:

- Jadual untuk bengkel rakaman dan pengeluaran video atas talian dan
- Terma & Syarat Program Seni Untuk Semua Atas Talian.

Tawaran Program Seni Untuk Semua Atas Talian adalah **sah selama empat belas (14) hari** dari tarikh notifikasi e-mel dihantar kepada pemohon yang berjaya. Sekiranya pemohon tidak menerima tawaran dalam jangka masa ini, tawaran tersebut akan luput.

Permohonan Tidak Berjaya

Permohonan yang tidak berjaya juga akan menerima makluman rasmi daripada CENDANA melalui emel dalam tempoh makluman yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan melayan sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

15. Apakah pelaksanaan yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya?

- Bersedia untuk menghadiri mesyuarat, bengkel, dan taklimat lain yang berkaitan untuk kelas seni yang dicadangkan;
- Menyediakan kandungan kelas seni yang relevan dengan kepakaran utama mereka, sama ada dalam seni persembahan, seni visual, muzik independen atau seni kraf;
- Menyampaikan kelas seni seperti yang digariskan dalam permohonan;
- Menyatakan kesediaan untuk memberikan maklum balas dan tinjauan keseluruhan untuk peningkatan program;
- Bersetuju untuk membenarkan CENDANA menampilkan kelas seni di platform digital CENDANA atau platform lain yang berkaitan di bawah bidang kuasa Kementerian Komunikasi dan Multimedia;
- Sekiranya berkenaan, setuju untuk memberikan CENDANA akses untuk menyunting aktiviti dalam episod kepada segmen mandiri individu untuk diedarkan ke sekolah rendah awam di bawah Skema Pendidikan Seni CENDANA; dan
- Bersetuju bahawa hakmilik harta intelek terhadap semua kandungan penghasilan program ini adalah hakmilik CENDANA (karya seni akan dikreditkan kepada pemohon yang berjaya).

16. Siapakah yang boleh dihubungi jika mempunyai soalan?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di artedu@cendana.com.my.

TERMA RUJUKAN

Nota Garis Panduan Program Pembiayaan

Dalam usaha kami mempromosi dan mengembangkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang menyalurkan dana awam seiring dengan polisi Kerajaan Malaysia, CENDANA harus mengutamakan cadangan **yang tidak**:

- menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau berfungsi untuk menimbulkan konflik atau salah faham dalam masyarakat kita yang berbilang budaya dan berbilang agama; dan
- mengancam keselamatan atau kestabilan negara.

CENDANA berhak untuk membatalkan permohonan sekiranya ada:

- perubahan dalam skop kelas seni tanpa pemberitahuan dan mendapat persetujuan daripada CENDANA;
- secara tidak langsung atau langsung merendahkan atau mencemarkan reputasi CENDANA;
- kursus seni tidak disampaikan mengikut garis panduan yang dipersetujui dengan CENDANA;
- pelanggaran terma dan syarat yang ditentukan dan dipersetujui dalam Surat Perjanjian untuk program ini.

TIADA LIABILITI

CENDANA menafikan sebarang dan semua liabiliti untuk apa-apa ganti rugi khas, langsung, tidak langsung, berbangkit, atau berkenaan dengan, atau apa jua kerugian yang timbul daripada atau berkaitan dengan **Program Seni Untuk Semua Atas Talian**.

PENAFIAN

- CENDANA berhak untuk memantau dan mendokumentasikan penemuan daripada pemerhatian serta mengambil gambar dan video rakaman, bengkel, produksi dan kelas seni atas talian yang berlangsung.
- Foto dan video akan digunakan untuk tujuan promosi dan penilaian hanya untuk Program Seni Untuk Semua Atas Talian.
- Artis mungkin diminta untuk memberikan maklumat tambahan apabila diperlukan khususnya semasa penilaian Program Seni Untuk Semua Atas Talian setelah tamat program.

TENTANG CENDANA

CENDANA (Agensi Pembangunan Ekonomi Budaya) dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi budaya yang cergas, lestari dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, seterusnya meningkatkan profil seni dan budaya Malaysia bagi membantu membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni dan tempat yang strategik Malaysia di pentas global. CENDANA disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (Syarikat milik penuh Menteri Perbadanan Kewangan) dan berlapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sila layari www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.

TERMA RUJUKAN

